



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**2 APRIL 2026 (KHAMIS)**

## Lebih 500 Laporan diterima Kes Aniaya Kucing di Terengganu - JPV

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Edisi	Dalam Talian	1 April



Tangkap layar video tular berdurasi 18 saat memaparkan seekor kucing dianiaya dua kanak-kanak sehingga mengundang kemarahan orang ramai.

KUALA TERENGGANU – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Terengganu mengesahkan telah menerima lebih 500 laporan berhubung sebuah video tular di media sosial yang memaparkan tindakan kejam dan penganiayaan terhadap seekor kucing baru-baru ini.

Pengarahnya, Anun Man berkata, pihaknya memandangkan serius isu berkenaan kerana ia melibatkan perbuatan zalim terhadap haiwan selain

merupakan satu bentuk pelanggaran undang-undang.

"Setakat Rabu, lebih 500 aduan diterima berhubung video tular tersebut. Tindakan segera telah diambil untuk menyiasat secara menyeluruh insiden yang dilaporkan ini.

"Perkara ini kini sedang dalam siasatan pihak jabatan di bawah peruntukan perundangan yang termaktub dalam Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta

772]," katanya ketika dihubungi di sini pada Rabu.

Tambahnya, JPV Terengganu bertekad untuk memastikan siasatan dijalankan secara telus bagi mengesan serta mendakwa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Dalam pada itu, orang ramai serta pengguna media sosial dinasihatkan agar bersabar dan tidak membuat sebarang spekulasi atau menularkan maklumat tidak sahih yang boleh mengganggu proses siasatan rasmi.

Jelas beliau, perlindungan kebajikan haiwan merupakan tanggungjawab bersama dan JPV komited dalam memastikan keadilan dapat ditegakkan.

"Kerjasama orang ramai amat diperlukan sehingga siasatan selesai dijalankan sepenuhnya dan penemuan rasmi dapat diumumkan.

"Mana-mana individu yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian ini diminta tampil menyalurkan maklumat terus kepada pihak jabatan bagi membantu melancarkan siasatan," katanya.

Sebelum ini, tular video berdurasi 18 saat di laman sosial yang memaparkan seekor kucing dianiaya oleh

dua kanak-kanak sehingga mengundang kemarahan orang ramai.

Video berkenaan menunjukkan seorang kanak-kanak menarik tali yang diikat pada leher kucing manakala seorang lagi kanak-kanak dilihat menyepak dan memukul kepala kucing itu menggunakan selipar.-

[SINARHARIAN](#)

## Lebih 300 Aduan Mengenai Video Tular Aniaya Kucing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	31 Mac



GAMBAR hiasan. FOTO NSTP.

Dungun: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu menerima lebih 300 aduan berhubung kejadian seekor kucing yang dilaporkan dianiaya oleh dua kanak-kanak.

Pengarah JPV Terengganu Dr Anun Man berkata, sehubungan itu, pihaknya akan menyiasat secara menyeluruh kejadian tersebut yang dipercayai berlaku di daerah Dungun.

"Kita memandangkan serius perkara ini kerana ia melibatkan perbuatan zalim

terhadap haiwan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian diminta tampil menyalurkan maklumat bagi membantu siasatan.

Terdahulu tular di laman sosial sebuah video berdurasi 18 saat yang memaparkan seekor kucing dianiaya dua kanak-kanak sehingga mengundang kemarahan

orang ramai.

Video berkenaan menunjukkan seorang kanak-kanak menarik tali yang diikat pada leher kucing, manakala seorang lagi kanak-kanak dilihat menyepak dan memukul kepala kucing itu menggunakan selipar.-

[MYMETRO](#)

## Dua Budak didakwa Sepak, Pukul Kepala Kucing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Dalam Talian	31 Mac



Tangkap layar klip memaparkan dua kanak-kanak menganiaya seekor kucing yang dikatakan berlaku di Dungun.

DUNGUN -Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu sedang menyiasat dakwaan penganiayaan seekor kucing dilakukan dua kanak-kanak di daerah ini.

Pengarah JPV negeri, Dr. Anun Man berkata, pihaknya telah menerima lebih 300 aduan berkaitan kejadian itu berikutan penularan klip video berkaitan yang berdurasi 18 saat di media sosial.

“Kita memandang serius

perbuatan zalim terhadap haiwan dan akan menyiasat segera secara menyeluruh.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta tampil membantu siasatan mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015. Perlindungan kebajikan haiwan merulakan tanggungjawab bersama,” katanya di sini hari ini.

Terdahulu, tular klip video yang memaparkan seekor kucing dianiaya dua kanak-kanak dengan salah seorang

daripanya dilihat menarik tali yang diikat pada leher haiwan itu sebelum seorang lagi beberapa kali menyepak dan memukul kepala kucing tersebut menggunakan selipar. – [KOSMO! ONLINE](#)

## Kes Kanak-Kanak Tendang & Heret Kucing, Ibu Mohon Maaf

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buzz Kini	Nasional	Dalam Talian	1 April



Setakat ini, keadaan dan keberadaan kucing itu masih tidak dapat dipastikan dan kumpulan penyelamat masih gigih berusaha untuk menyelamatkannya.

Baru-baru ini, tular video yang menyaksikan dua kanak-kanak didakwa menyiksa seekor kucing dalam satu kejadian yang berlaku di Dungun, Terengganu.

Menerusi hantaran di Instagram penyelamat haiwan, Shima Aris, insiden dipercayai berlaku empat

hari lalu.

Video yang dirakam dan dimuat naik ke kumpulan komuniti penduduk bagaimanapun baru tular sebaik dikongsikan semula menerusi aplikasi WhatsApp.

2 Kanak-Kanak Tendang & Seret Kucing Dengan Tali Menerusi video tersebut, jelas kelihatan seekor kucing yang diikat pada tali dan diperlakukan secara kasar oleh dua kanak-kanak.

Seorang kanak-kanak dilihat beberapa kali menendang

dan membalingkan seliparnya kepada kucing tersebut, sementara seorang lagi menyeret haiwan tidak bersalah itu.

Insiden itu dipercayai dirakamkan oleh seorang dewasa yang berada di kawasan berhampiran.

Namun daripada rakaman tersebut, kelihatan tiada sesiapa pun yang menghalang dua kanak-kanak terbabit daripada berbuat demikian ketika itu.

**Kucing Didakwa Dibiarkan Lemah Selepas Didera, Ada Yang Anggap Telah Mati**  
Menurut Shima, pemberi maklumat berkata kucing tersebut dimiliki oleh seorang individu dan sering berada di rumah salah seorang jiran.

Penduduk tempatan juga memaklumkan bahawa kucing berkenaan mengalami kecederaan luka dan kaki bengkok, sebelum ditinggalkan dalam keadaan lemah dan dianggap telah mati.

Tambahnya lagi, jiran-jiran telah membeli amaran dan cuba membuat laporan, yang kemudiannya berakhir dengan pergaduhan.

“Difahamkan juga selepas kes ini tular, ibu kepada dua kanak-kanak tersebut

bertindak balas dengan amarah.

“Dia didakwa menunjukkan rasa tidak takut kepada laporan polis dan mengatakan bahawa salah seorang ahli keluarganya merupakan anggota polis,” ujar Shima.

Dalam masa sama, Shima turut meminta orang ramai agar mengemukakan aduan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia.

### **Ramai Berang Dengan Tindakan Kanak-Kanak & Orang Dewasa Yang Tak Cuba Hentikan**

Menjenguk ke ruangan komen, tindakan dua kanak-kanak itu mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan orang ramai.

Lebih teruk lagi apabila tindakan mereka tidak dihentikan oleh individu dewasa yang berada berhampiran dan merakamkan insiden berkenaan.

Mereka juga menyalahkan ibu bapa kanak-kanak terbabit yang tidak mendidik mereka agar tidak berlaku kejam terhadap haiwan.

Orang ramai turut memaklumkan telah membuat laporan kes

tersebut kepada pihak DVS.

### **Ibu Pelaku Mohon Maaf, Namun Keadaan Kucing Masih Tidak Diketahui**

Dalam satu hantaran lain, Shima berkongsi tangkap layar mesej WhatsApp yang diterima daripada individu dipercayai ibu kepada dua kanak-kanak berkenaan.

Menerusi mesej tersebut, dia telah memohon maaf bagi pihak anak-anaknya dan berkata akan memantau serta mendidik mereka sebaik mungkin agar masalah sedemikian tidak berulang.

“Saya tak tahu anak saya yang buat. Saya tahu semalam video tu. Saya minta maaf banyak sangat-sangat atas kesilapan saya,” katanya.

Setakat ini, keadaan dan keberadaan kucing itu masih tidak dapat dipastikan dan kumpulan penyelamat masih gigih mencari si bulus tersebut.

## Over 300 Complaints of Cat Abuse By Children Received In Terengganu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
NST	Nation	Dalam Talian	31 Mac



DUNGUN: The Terengganu Department of Veterinary Services (DVS) has received more than 300 complaints regarding an incident in which a cat was reportedly abused by two children.

Its director Dr Anun Man said the department would conduct a thorough investigation into the incident, believed to have occurred in Dungun.

"We take acts of cruelty towards animals very seriously, and we will investigate this incident

immediately.

"We urge members of the public who have any information related to the incident to come forward to assist with the investigation," she said in a statement today.

An 18-second video went viral earlier on social media showing the cat being abused by two children, sparking outrage among netizens.

The video showed one child pulling a rope tied around

the cat's neck, while the other child was seen kicking and hitting the cat's head with a slipper.

The case is being investigated under the Animal Welfare Act 2015 (Act 772).-NST

## Terengganu DVS Investigating Viral Cat Abuse Video

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	Dalam Talian	31 Mac

DUNGUN: The Terengganu Veterinary Services Department (DVS) has received more than 300 complaints regarding an incident in which a cat was reportedly abused by two children.

Its director Dr Anun Man said the department would conduct a thorough investigation into the incident, believed to have occurred in Dungun.

"We take acts of cruelty towards animals very seriously, and we will investigate this incident immediately.

"We urge members of the public who have any information related to the incident to come forward to assist with the investigation," she said in a statement on Tuesday (March 31).

An 18-second video went viral earlier on social media showing the cat being abused by two children, sparking outrage among netizens.

The video showed one child pulling a rope tied around the cat's neck, while the other child was seen kicking and hitting the cat's head with a slipper.

The case is being investigated under the Animal Welfare Act 2015 (Act 772). – THESTAR

## JPV Terengganu Siasat Video Tular Kes Penganiayaan Kucing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Reporter	Semasa	Dalam Talian	1 April



Gambar hiasan

Jabatan Veterinar Terengganu menyiasat insiden penganiayaan terhadap haiwan selepas sebuah video tular di media sosial menunjukkan kekejaman terhadap seekor kucing dipercayai berlaku di daerah Dungun.

Dalam satu kenyataan, jabatan berkenaan mengesahkan telah menerima sejumlah besar aduan daripada orang awam berhubung penyebaran video tersebut.

“Jabatan Perkhidmatan

Veterinar Negeri Terengganu memandang serius perkara ini kerana ia melibatkan perbuatan zalim terhadap haiwan dan merupakan pelanggaran undang-undang sedia ada.

“Sehubungan dengan itu, Jabatan ingin memaklumkan kepada semua pihak bahawa tindakan segera telah diambil untuk menyiasat secara menyeluruh insiden yang dilaporkan ini,” katanya.

Perkara berkenaan disiasat di bawah peruntukan perundangan yang

termaktub dalam Akta  
Kebajikan Haiwan 2015 [Akta  
772].

JPV Negeri Terengganu  
menegaskan bahawa  
siasatan akan dijalankan  
dengan telus untuk  
mengesan dan mendakwa  
pihak yang  
bertanggungjawab.

Jabatan turut menasihati  
orang ramai dan pengguna  
media sosial supaya bersabar  
serta tidak membuat  
sebarang spekulasi atau  
menularkan maklumat yang  
tidak sahih.-[THEREPORTER](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR